

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan secara terperinci mengenai Projek Lembu Tenusu MITRA yang telah dilancarkan pada tahun ini. Senaraikan nama peserta-peserta yang terlibat mengikut negeri dan syarikat mana yang dipertanggungjawabkan untuk membeli lembu tenusu kacukan Fresian bunting dari Australia dan bagaimanakan cara pengagihan kepada peserta dilakukan.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memulakan siasatan ke atas program-program yang telah diluluskan di bawah MITRA bagi tahun 2019 hingga April 2020 (iaitu ketika MITRA di bawah Jabatan Perdana Menteri) hingga tahun 2021 (iaitu Ketika MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara). Projek Ternakan Lembu Tenusu juga termasuk dalam program yang sedang disiasat.

Sehubungan dengan itu, saya tidak akan menjawab soalan Batu Gajah ini kerana dikhuatiri sebarang pendedahan maklumat yang terperinci mengenai Projek ini akan mengganggu siasatan yang sedang dilaksanakan oleh pihak SPRM.

Sekian, terima kasih.